

# MENINGKATKAN KEMAHIRAN MELUKIS PEMBENTUKAN STRUKTUR DIPEPTIDA DENGAN MENGGUNAKAN *V IN WAPP* DALAM KALANGAN PELAJAR S31T2

<sup>1</sup>Siti Khairiah Abdollah, <sup>2</sup>Suraya Illiani Mohd Suhot, <sup>3</sup>Nazihah Zainal, <sup>4</sup>Siti Mahayan Hashim  
<sup>1,2,3,4</sup>Unit Biologi, Kolej Matrikulasi Melaka

<sup>1</sup>[siti.khairiah@kmm.matrik.edu.my](mailto:siti.khairiah@kmm.matrik.edu.my), <sup>2</sup>[suraya.illiani@kmm.matrik.edu.my](mailto:suraya.illiani@kmm.matrik.edu.my), <sup>3</sup>[nazihah@kmm.matrik.edu.my](mailto:nazihah@kmm.matrik.edu.my),  
<sup>4</sup>[mahayan@kmm.matrik.edu.my](mailto:mahayan@kmm.matrik.edu.my)

## ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam melukis pembentukan struktur dipeptida dengan menggunakan *V in WApp*. Persampelan melibatkan 8 orang pelajar dari kelas tutorial S31T2 Modul III Semester 1, Kolej Matrikulasi Melaka Sesi 2017/2018. Fokus kajian adalah kepada penggunaan video yang dikongsi menggunakan telefon pintar melalui aplikasi *WhatsApp* bersama dengan pelajar untuk membantu pelajar melukis pembentukan struktur dipeptida dengan tepat. Ujian Pra diberikan sebelum *V in WApp* diperkenalkan, manakala Ujian Pos diberikan selepas pelaksanaan penggunaan *V in WApp*. Bagi kedua-dua ujian tersebut, soalan yang diberikan kepada pelajar adalah menggunakan soalan struktur yang berbeza tetapi mempunyai bentuk dan aras kesukaran yang sama. Skrip jawapan pelajar dikumpul dan diberi markah. Data yang diperolehi dianalisis secara kuantitatif melalui analisis deskriptif dengan membandingkan markah Ujian Pra dan Ujian Pos menggunakan perisian *Microsoft Excel 2010*. Hasil analisis Ujian Pos bagi melukis struktur asid amino menunjukkan terdapat peningkatan peratusan skor min pelajar dari 50.0% bagi Ujian Pra kepada 97.8% bagi Ujian Pos. Manakala bagi pembentukan struktur dipeptida juga menunjukkan peningkatan peratusan min skor dari 6.25% bagi Ujian Pra ke 87.5% Ujian Pos. Ini menunjukkan bahawa penggunaan *V in WApp* dapat membantu meningkatkan kemahiran melukis pelajar dalam melukis struktur asid amino dan proses pembentukan struktur dipeptida.

Kata kunci : Asid amino, Dipeptida, *V in WApp*, *WhatsApp*, video,